



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN (*ROAD-BAN*) DAN PENURUNAN HAD LAJU KEBANGSAAN BERSEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2023

Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan akan melaksanakan **Kempen Keselamatan Jalan Raya** bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mematuhi peraturan-peraturan jalan raya seterusnya mengurangkan risiko berlakunya nahas jalan raya.

Justeru, penguatkuasaan **Larangan Pemanduan Ke Atas Kenderaan Barangan (*Road-Ban*)** akan dilaksanakan bersempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina pada 22 dan 23 Januari 2023.

Larangan ini akan mula dikuatkuasakan pada **20 dan 21 Januari 2023 (sebelum perayaan) serta pada 24 dan 25 Januari 2023 (selepas perayaan)** dengan mengambilkira peningkatan trafik yang ketara khususnya bagi kenderaan persendirian yang pulang ke kampung halaman. Tujuan utama *road-ban* ini adalah bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas serta mengurangkan risiko nahas jalan raya akibat percampuran trafik antara kenderaan barangan dengan kenderaan persendirian. Perintah penurunan had laju kebangsaan juga akan turut dikuatkuasakan bersama-sama *road-ban* ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat Kaedah/Perintah serta butiran terperinci mengenai larangan berkenaan di laman web [www.lom.agc.gov.my](http://www.lom.agc.gov.my)

Kementerian Pengangkutan ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina kepada seluruh rakyat Malaysia yang menyambutnya dan menasihatkan semua agar sentiasa mematuhi peraturan jalan raya serta memastikan aspek keselamatan menjadi keutamaan semasa memandu.

*"Pandu Cermat, Jiwa Selamat"*

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
**13 Januari, 2023**

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### **Pertanyaan Media** **Kementerian Pengangkutan** **Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800 88 7723 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

